

DBKL cari lokasi bina pusat jagaan warga tua

KUALA LUMPUR: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Wilayah Persekutuan bagi menubuhkan pusat jagaan sesuai bilangan penduduk tua di sekitar ibu kota.

Timbale Ketua Pengarah Perkhidmatan DBKL, Datuk Mhd Amin Nordin Abdul Aziz, berkata, setakat ini ada empat pusat jagaan harian di sekitar

ibu kota yang dilengkapi pelbagai kemudahan dan bilangan-nya akan ditambah mengikut kesesuaian tapak.

"Memandangkan ada permintaan untuk menambah bilangan pusat jagaan harian warga tua di sini, DBKL akan berusaha mencari lokasi sesuai sama ada tanah lapang atau bangunan bagi dijadikan pusat itu supaya boleh dimanfaatkan warga emas ini.

"Empat pusat jagaan harian

sedia ada di ibu kota adalah di Bandar Tun Razak, Seri Labuan, Taman Tenaga dan juga Sri Perlis yang dilengkapi dengan kemudahan alat senaman, perpustakaan mini dan juga bilik rehat," katanya merasmikan majlis sambutan hari warga emas peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sempena Aidilfitri dan Deepavali, baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi Majlis Pusat Kebajikan Semenanjung

Malaysia cawangan Wilayah Persekutuan, Datuk Nordin Ibrahim dan Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Normah Abdul Rauf.

Kira-kira 700 warga emas hadir memeriahkan majlis itu yang turut diserikan dengan pelbagai acara antaranya nyanyian dan tarian.

Mhd Amin berkata, DBKL mempunyai peruntukan sebanyak RM6 juta setahun bagi

program pembangunan komuniti yang merangkumi kemudahan untuk warga tua, masyarakat, kanak-kanak orang kurang upaya (OKU).

"Di pusat ini, saya ditekankan, penekanan diberikan dari segi peningkatan keceriaan dan kesihatan mental warga tua menerusi pengisian masa lapang dengan pelbagai kegiatan sihat, termasuk melawat ke beberapa tempat menarik," katanya.